

PEMBANGUNAN SAHSIAH BELIA DAN TEORI SPB4K DALAM NOVEL NISAH HARON

SITI KHARIAH MOHD ZUBIR
Universiti Pendidikan Sultan Idris
khariah@fbkupsi.edu.my

ABSTRAK

Pemikiran bermaksud idea yang wujud daripada golongan intelektual yang menggunakan fakulti kritikan dalam mindanya untuk keputusan dan pemikiran secara kreatif. Pemikiran melibatkan peristiwa-peristiwa yang telah, sedang dan akan dilakukan. Segala informasi atau maklumat yang ditafsirkan akan memberi makna kepada individu. Pemikiran juga terlibat dalam aspek abstrak dan konkrit atau realiti dan fantasi dalam kehidupan seseorang individu. Manakala, pembangunan sahsiah belia pula dianggap penting untuk diberikan perhatian bagi memastikan sesebuah negara dapat menghasilkan kelangsungan pembangunan dan kemajuan yang telah dirancang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran Nisah Haron untuk membangunkan sahsiah belia dalam karya, di samping untuk menganalisis pemikiran Nisah Haron dalam novel Melayu *Tewarikh Cinta* dan *Lentera Mustika*, Kajian ini menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hassan untuk menganalisis teks. Pengkaji mendapati bahawa pemikiran kerohanian ialah tanggungjawab kepada Allah (Hablumminallah) iaitu solat dan rukun imam, manakala dalam pemikiran kebitaraan pengkaji menjumpai watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Seterusnya pemikiran kesaintifikan pula ditemui watak belia yang berkemampuan berbahasa dan cekap mengira. Akhir sekali pengkaji menjumpai pemikiran kekreatifan menerusi pembacaan puisi. Implikasi daripada kajian ini dapat membangunkan sahsiah belia, dapat membina jati diri dan menghayati nilai-nilai murni sejagat, berwawasan, bermatlamat, bercita-cita tinggi untuk berjaya dalam hidup.

Kata kunci: SPB4K; sahsiah belia; novel Melayu; Nisah Haron; kreativiti

YOUTH PERSONALITY DEVELOPMENT AND SPB4K THEORY IN NISAH HARON'S NOVELS

ABSTRACT

Thoughts mean ideas in the minds of intellectuals who utilize their faculty of critical thinking in order to make decisions and formulate creative ideas. Thoughts involve events of the past, present and future. All information interpreted will provide meanings to the individual. Thoughts are also involved in a person's life in the aspect of his sense of the abstract, concrete, reality and fantasy. The personality development of youths is considered very important to ensure the development and continuance of a nation. This research is aimed at exploring the thoughts of the writer Nisah Haron in her novels *Tawarikh Cinta* (2008) and *Lentera Mustika* (2009) in relation to developing the personality of the youths. The objective of this research is to identify and analyse the thoughts of the writer in relation to her works. This research utilizes the System of Integrated Thinking Theory 4K (SPB4K) which was introduced by Mohd Yusof Hassan for

the purpose of textual analysis. The researcher found that all four aspects in the SPB4K Theory, which are spiritual thoughts, intellectual thoughts, scientific thoughts and creative thoughts, are evident in the texts. The implication of this research is that female creative writers are encouraged to produce works with the personality development of youths as the major theme.

Keywords: SPB4K; youth personality; Malay novel; Nisah Haron; creativity

PENGENALAN

Genre novel merupakan salah satu daripada genre Kesusasteraan Melayu yang tidak lagi kedengaran asing dalam kalangan masyarakat Melayu meskipun ia baru sahaja diperkenalkan pada awal abad ke-20. Perkataan 'novel' berasal daripada perkataan *novella* dalam bahasa Itali yang membawa erti "cerita terkini", "satu benda baru", "satu benda kecil yang baharu", "perkhabaran baru" atau "cerita yang pendek". Kini, istilah *novella* telah diringkaskan menjadi *novel* sahaja. Pemikiran pula berasal daripada perkataan "fikir" atau *think*. Daripada perkataan itu lahir perkataan berfikir, memikir, terfikir, pemikiran dan pemikir.

Mohd Yusof Hassan (2007:1) menjelaskan bahawa akal adalah bentuk fizikal, manakala minda pula adalah proses penggunaan akal atau pemikiran. Konsep pemikiran sering dikaitkan dengan konsep *mind*. Minda adalah anugerah Tuhan yang berkait rapat dengan pemikiran, ingatan dan emosi. Tambah beliau, pemikiran adalah sebahagian daripada proses minda yang berlaku dalam otak. Oleh hal yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa pemikiran merupakan proses menggunakan akal fikiran untuk menghasilkan sesuatu perkara atau penyelesaian dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.

Apabila memperkatakan soal pemikiran kreatif pula, ia adalah proses yang digunakan apabila terfikir idea baru. Bloom (1987) mendefinisikan kemahiran berfikir kreatif sebagai sintesis yang bermaksud kebolehan seseorang menganalisis maklumat dan membentuk semula maklumat tersebut supaya menjadi idea yang unik. Ia merupakan proses menggabungkan idea atau kesatuan yang wujud hasil daripada dua atau lebih idea yang sedia ada. Pemikiran kreatif juga bermaksud menggunakan akal fikiran untuk menjana idea dan menghasilkan sesuatu yang baru atau sesuatu yang luar biasa sama ada wujud atau abstrak, contohnya aktiviti sumbang saran. Ia berlaku dengan menyatukan idea orang lain dengan idea sendiri untuk mendapatkan sesuatu idea baru ([www.pskt.com.my/index.php/./pemikiran kreatif](http://www.pskt.com.my/index.php/./pemikiran%20kreatif)).

Junaidi Awang Besar et. al. (2012:138) menjelaskan bahawa belia sering kali dianggap sebagai aset dan pewaris negara yang akan memainkan peranan penting dalam mencorakkan bentuk, nilai, dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara. Pembangunan sahsiah belia dianggap penting untuk diberikan perhatian bagi memastikan sesebuah negara dapat meneruskan kelangsungan pembangunan, kemajuan dan kegemilangan menuju wawasan seperti yang telah dirancang. Misalnya, dalam aspek kenegaraan, golongan belia perlu mempertahankan perpaduan, bertindak sebagai benteng keselamatan dan meneruskan usaha pembangunan. Maka, kesedaran dalam diri belia perlu dipertingkatkan sebagai bakal meneruskan agenda pembangunan negara malah sebagai pewaris negara pada masa hadapan.

Hari ini, golongan belia tercabar dengan pelbagai ujian dan tipu daya serta budaya asing yang boleh memusnahkan tamadun. Media elektronik umpamanya dilihat sebagai ancaman terbesar bagi belia. Misalnya, dalam aspek jati diri dalam menghadapi hasutan dan fahaman yang berbau keganasan serta hiburan yang melalaikan. Budaya Barat membawa cara hidup yang individualistik yang membawa ke arah keruntuhan institusi kekeluargaan. Belia perlu

menguatkan semangat dan keyakinan diri mereka dalam menghadapi pengaruh atau unsur dari luar yang dilihat mampu menggoyahkan, mengucar-ngacirkan serta mengganggu-gugat keselamatan diri, masyarakat malah negara. Belia tidak harus mudah terjebak dengan pengaruh atau budaya asing yang boleh mengubah pegangan dan pendirian mereka. Siti Khariah Mohd Zubir (2010) menyatakan bahawa belia yang longgar pegangan rohani bakal terjebak dalam kancuh kerosakan dengan mudah.

Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk membentuk dan membangunkan belia yang memiliki keperibadian dan sahsiah yang tinggi dan berilmu. Agama Islam telah menentukan hala tuju yang perlu dimainkan oleh individu dan masyarakat agar dapat membentuk insan yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Pembangunan sahsiah belia juga adalah tidak terkecuali merangkumi kesemua aspek yang dibicarakan ini. Secara langsung, ia boleh membina akhlak, peribadi, sikap, dan tujuan ke arah menjadikan individu itu bertamadun, berakal, memiliki nilai murni serta berdaya maju.

Untuk maju ke hadapan, negara harus memastikan modal insan terutama sekali para belia yang mampu melaksanakan tanggungjawab pembangunan mental, fizikal dan sosial. Para belia hendaklah menyediakan diri untuk menggalas tanggungjawab sebagai peneraju tampuk kepimpinan negara. Malah, belia hari ini mestilah berfikiran kreatif untuk menentukan masa depan mereka. Para belia juga harus bijak mengambil peluang yang tersedia di hadapan mereka. Hal ini semuanya demi memastikan sahsiah diri belia dapat terbangun dengan sempurna. Memandangkan masalah sosial belia semakin meningkat menyebabkan pengkaji ingin mengkaji tentang pemikiran penulis kreatif dalam membangunkan sahsiah belia. Maka, pengkaji terdorong untuk melaksanakan kajian ini.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran Nisah Haron untuk membangunkan sahsiah belia dalam karya, di samping untuk menganalisis pemikiran Nisah Haron dalam novel *Tawarikh Cinta* dan *Lentera Mustika*.

Kajian ini dijalankan bagi melihat pemikiran Nisah Haron sebagai penulis kreatif wanita dalam membicarakan usaha untuk membangunkan sahsiah belia dalam karya. Dua persoalan yang dibina berdasarkan kajian ini iaitu adakah penulis kreatif Nisah Haron berfikiran untuk membangunkan sahsiah belia dalam karya? Bagaimanakah karya-karya kreatif yang dihasilkan oleh Nisah Haron dapat membangunkan sahsiah belia?

Kajian ini menggunakan Teori SPB4K untuk menganalisis data. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu pada awalnya dikenali sebagai teori SPB4L yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hassan, seorang tokoh pemikir dan sarjana dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Teori SPB4K adalah singkatan nama Sistem Pemikiran Bersepadu, manakala 4 K pula mewakili empat istilah, iaitu kerohanian, kesaintifikan, kebitaraan dan kekreatifan. Teori SPB4K merupakan teori pendidikan pemikiran. Pemikiran adalah kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam kehidupan.

Teori SPB4K, sama sifatnya dengan Teori Psikoanalisis Klasik oleh Sigmund Frued yang menyelongkari aspek kejiwaan manusia bawah sedar untuk mengesan perilaku dan tindak tanduk manusia secara sedar. Pemikiran Frued tentang aspek bawah sedar telah membuka minda pengkritik sastera untuk menyelongkari aspek bawah sedar pengarang sebagai sangat relevan dengan proses penghasilan karya. Teori SPB4K berteraskan kepada falsafah kesepaduan pemikiran. Kesepaduan ini mestilah wujud dalam diri setiap individu supaya menjadi kemahiran

dan amalan dalam kehidupan seharian. Beliau menyatakan bahawa pemikiran yang perlu disepadukan itu ialah pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Keempat-empat kemahiran pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbang balik dan bukannya secara berasingan. (Mohd Yusof Hassan, 2001 : 3).


Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Ia berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Pemikiran ini juga menggambarkan falsafah dan kepercayaan manusia dan turut dianggap sebagai pemikiran keimanan. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian melihatkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal, iaitu manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan terus dengan Allah. (Mohd Yusof Hassan, 2007) menyatakan bahawa hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Melalui pemikiran kebitaraan, pemikiran ini merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran ini khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, ia mementingkan asas kekeluargaan yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, penggunaan pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan haruslah ceria positif, kreatif dan soleh. Nur Hasimah Bt Ismail (2014:180) menjelaskan bahawa watak-watak yang terdapat dalam sesebuah karya dapat ditonjolkan dari segi peranannya dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan menjadi tauladan kepada pembaca.

Pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Dalam komunikasi sehari-hari sesama manusia, kegiatan dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Logik ialah proses penakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Siti Khariah Mohd Zubir (2011 : 152) menyatakan bahawa melalui penghasilan sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan, sesebuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang sebenar atau benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang jelas, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran kekreatifan merujuk kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Melalui pemikiran lateral, terdapat teknik-teknik untuk mengenali pemikiran kreatif, seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara memperkembangkannya dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Individu juga dapat mempelajari satu pendekatan sistematik untuk mencari peluang bagi semua peringkat pengurusan. Dalam kaitannya dengan penghasilan sesebuah karya sastera, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran lateral, seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi. Ani Haji Omar (2012:2008) menerangkan bahawa teknik penulisan merujuk kepada pembinaan plot cerita yang kompleks tetapi mudah untuk diikuti dan difahami oleh pembaca.

Keempat-empat jenis pemikiran dalam teori ini dapat digambarkan seperti berikut;



RAJAH 1: Teori SPB4K (Mohd Yusof Hassan, 2007: 149)

Teori ini percaya bahawa sebuah masyarakat yang memiliki sifat pemikiran yang berteraskan 4K mampu melahirkan pengarang dan karya yang bersifat sepadu dan komprehensif sesuai dengan keperluan asasi jasmani, empat perkara yang saling berkait rapat antara satu sama lain, iaitu masyarakat, pengarang, karya dan pembaca. Keempat-empat perkara ini memiliki kesepaduan empat pemikiran yang sama.

Bagi pemikiran lahir, seseorang insan haruslah menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan seseorang harus ceria positif, kreatif dan soleh. Bagi pemikiran logik, seseorang itu harus mengemukakan latar yang real, tempat yang indah, permai, suasana yang kondusif, masa yang sesuai, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas. Begitu juga dengan pemikiran lateral pula seseorang seharusnya menampilkan perawakan yang kreatif dan bermutu tinggi.

(Mohd Yusof Hassan, 2007 : 30-31)

Dapatlah dirumuskan bahawa teori SPB4K ini mementingkan suatu rumusan yang bersifat holistik dengan menekankan seluruh keupayaan dalaman dan luaran seseorang manusia. Sekiranya para belia dapat mengaplikasikan teori SPB4K dalam kehidupan seharian mereka,

mereka akan berusaha dan bersedia mendepani cabaran peralihan zaman. Belia yang kreatif dan inovatif memiliki sifat positif terhadap sebarang kemungkinan baru dalam kehidupan dan persekitarannya. Sikap yang positif akan mendorong belia berwatak inovatif, berfikiran kritis, kreatif dan bersikap suka membuat penambahbaikan menerusi kelainan dengan memanfaatkan segala ruang dan peluang di sekeliling mereka.

Secara keseluruhannya, Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4 K (SPB4K) ini merupakan teori yang paling sesuai untuk diaplikasikan bagi menganalisis kajian berkaitan pemikiran kreatif pengarang untuk membangunkan sahsiah belia menerusi karya novel. Hal ini berikutan tunjang kepada Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4 K ini merupakan pemikiran kekreatifan, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kerohanian yang secara langsung dapat dihubungkan dengan keupayaan untuk membangunkan sahsiah belia dalam karya novel penulis kreatif lalu dapat menghasilkan satu analisis kajian bersifat ilmiah yang terperinci, berkualiti dan menyeluruh.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada penganalisan novel yang ditulis oleh Nisah Haron yang bertajuk *Tawarikh Cinta* (2008) dan *Lentera Mustika* (2009), didapati bahawa keempat-empat aspek pemikiran yang terdapat dalam Teori Sistem Bersepadu 4K (SPB4K) ada dipaparkan dalam karya-karya tersebut.

Pemikiran Kerohanian

Pemikiran kerohanian merupakan fikiran yang berunsurkan keimanan dan keagamaan yang membawa manusia ke arah manusia soleh atau solehah. Menurut Mohd Yusof Hassan (2007:34), pemikiran ini berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, ketauhidan, keagamaan dan keesaan Tuhan. Beliau turut menyatakan bahawa pemikiran kerohanian ini merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Pemikiran ini juga bersifat tinggi martabatnya, dan berkait rapat dengan unsur-unsur ghaib. Antara pemikiran kerohanian yang dikemukakan dalam novel Nisah Haron ialah;

Tanggungjawab kepada Allah (*hablumminallah*)

Sifat bertanggungjawab merupakan salah satu aspek yang menjadi unsur yang amat penting dalam usaha membangunkan sahsiah belia itu sendiri. Penulis kreatif dijumpai banyak menerapkan sifat tanggungjawab ini di dalam novel-novel yang dikaji. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik kiranya dijelaskan terlebih dahulu makna perkataan tanggungjawab itu sendiri. Tanggungjawab adalah amanah kepada diri sendiri. Ia berkait erat dengan hak. Apabila seseorang melaksanakan kewajibannya, dengan sendirinya dia memperoleh hak. Memberikan hak kepada yang berhak merupakan suatu keadilan, sedangkan menafikan hak kepada yang berhak merupakan suatu kezaliman.

Abu Urwah (1992:23-26) mendefinisikan tanggungjawab sebagai kewajipan yang harus dilaksanakan oleh semua orang tidak kira lelaki atau wanita mengikut fungsi kejadiannya. Misalnya, wanita tercipta untuk menjadi isteri, ibu kepada anak-anaknya dan secara fitrah, dalam diri mereka telah ditanamkan rasa kasih dan sayang terhadap anak-anak. Wanita turut dikurniakan kesanggupan dan kemampuan mendidik anak-anak malah sabar dalam melayani kerenah mereka. Musa Shalih Syari (1993:171) pula menyifatkan tanggungjawab sebagai tugas-

tugas atau perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh individu yang sudah dibebankan syarak dan agama kepadanya. Oleh itu, setiap manusia di dunia ini memiliki tanggungjawab dan peranan masing-masing. Setelah tanggungjawab yang tergalas tersebut dilaksanakan, barulah muncul sinar kebahagiaan.

Umumnya, setiap manusia memikul tanggungjawab atau kewajipan asas terhadap tiga perkara, pertama kewajipan terhadap diri sendiri, kedua kewajipan terhadap orang lain (keluarga, rakan, masyarakat dan negara) dan ketiga kewajipan terhadap alam sekitar, misalnya kepada haiwan, tumbuhan dan lain-lain. Tanggungjawab dalam Islam pula bererti tanggungjawab manusia terhadap beberapa perkara, iaitu terhadap Allah S.W.T, dan sunnah Rasulullah S.A.W, tanggungjawab terhadap diri, terhadap kaum keluarga dan kerabat, terhadap masyarakat tempat ia tinggal, terhadap umat Islam seluruhnya dan terhadap tempat ia melakukan dakwah, harakah, berorganisasi, pendidikan atau amal Islam lainnya.

Allah secara jelas telah menerangkan menerusi ayat ini bahawa tujuan penciptaan manusia di atas bumi ini adalah bagi mengabdikan diri hanya kepada-Nya. Segala amal perbuatan yang dikerjakan di atas muka bumi tidak kiralah sama ada baik ataupun buruk, segala-galanya tidak akan terkecuali daripada dihitung di akhirat kelak. Menerusi penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, sikap bertanggungjawab ini ada ditonjolkan di dalam novel karya Nisah Haron yang bertajuk *Tarawih Cinta* dan *Lentera Mustika*.

Solat

Pengkaji mendapati aspek tanggungjawab manusia menjaga hubungan dengan Allah dengan mengerjakan solat. Solat merupakan tiang agama. Agama Islam telah menentukan hala tuju yang perlu dimainkan oleh individu dan masyarakat agar dapat membentuk insan yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi. Nisah Haron telah memaparkan hubungan manusia dengan Allah menerusi watak Puteri Cempaka Wilis yang dipaparkan sebagai seorang watak belia yang mentaati perintah Pencipta dalam novel beliau, *Tawarikh Cinta* (2008). Puteri Cempaka Wilis telah mengambil wuduk lalu menunaikan solat sunat dan menghidupkan malam. Hal ini wajar dijadikan sebagai contoh oleh belia demi pembangunan sahsiah mereka. Buktinya boleh didapati menerusi petikan berikut;

Tidurnya tadi penuh keluh kesah. Pecahan-pecahan mimpi yang tidak teratur singgah-menyinggah, satu lepas satu. Apabila tersedar, Puteri Cempaka Wilis kepenatan. Hilang keinginan baginda untuk meneruskan tidur tanpa erti rehat, lalu dibawanya tubuh mengambil wuduk buat menunaikan solat sunat dan menghidupkan malam.

(*Tawarikh Cinta*: 26)

Ciri pemikiran kerohanian yang seterusnya dipaparkan menerusi watak Nadim yang dilihat pengkaji sebagai seorang lagi belia yang fikiran yang memiliki sikap soleh dan mempunyai unsur keimanan dan keagamaan yang tinggi seperti mana menurut Mohd Yusof Hassan, (2007:34), pemikiran ini berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, ketauhidan, keagamaan dan keesaan Tuhan. Beliau turut menyatakan bahawa pemikiran kerohanian ini juga merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Nadim dilihat sebagai belia yang patut dijadikan contoh kerana dirinya dipaparkan telah mengimamkan jemaah Zuhur dengan ibunya. Hal ini membuktikan bahawa dirinya merupakan belia yang berciri pemikiran kerohanian. Petikan berikut membuktikannya;

Sesudah mengimamkan jemaah zuhur dengan ibunya, mereka pun duduk menghadap hidangan. Tudung saji baru diangkat kala Nadim mendengar suara orang memanggil dari luar.

(*Tawarikh Cinta: 71*)

Sebuah lagi novel Nisah Haron, iaitu *Lentera Mustika* (2009) juga turut memaparkan kecintaan terhadap Pencipta, iaitu ia dipaparkan menerusi watak seorang belia bernama Ainur Mustika. Ainur Mustika dipaparkan sebagai seorang belia yang mengerjakan solat istikharah malah dilihat pengkaji sebagai menepati ciri pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K. Hal ini demikian memandangkan pemikiran kerohanian ini menekankan fikiran yang berunsurkan keimanan dan keagamaan yang membawa manusia ke arah manusia soleh atau solehah. Sikap Ainur Mustika yang terlihat solehah seperti yang dipaparkan oleh Nisah Haron sememangnya sesuai untuk dijadikan contoh dalam membangunkan sahsiah belia. Hal ini diperjelaskan menerusi petikan berikut;

Beberapa malam dia beristikharah. Tidak kurang juga dengan solat tahajud, solat taubat serta solat hajat. Betapa dalam situasi demikian, Ainur Mustika mengerti, dirinya sebagai hamba terlalu kerdil. Lantas dia memilih menggunakan tawaran yang diberikan Tuhan: Pintalah, nescaya Aku akan kabulkan.

(*Lentera Mustika: 1*)

Begitu juga dalam sebuah lagi peristiwa yang dapat dilihat dalam novel ini di mana Ainur Mustika mengajak Dahlia yang mesra dipanggilnya sebagai Kak Dahl untuk berjemaah bersolat Maghrib bersama-sama. Ainur Mustika telah mengimamkan solat Maghrib mereka. Kepercayaan yang tinggi terhadap Yang Maha Esa dan keimanan serta unsur ketuhanan jelas dipaparkan di sini oleh mereka sebagai belia. Pengkaji mendapati amat bersesuaian dengan penerapan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hassan yang di dalamnya terkandung ciri pemikiran kerohanian. Hal ini dibuktikan menerusi dialog berikut;

“Kak Dahl, marilah kita juga berjemaah . Nanti saya ajak Jasmin sekali. Elok benarlah pada saat getir begini, kita sama-sama memohon kekuatan daripadanya. ”Sahabatnya tidak menolak lalu mengekori Ainur Mustika ke ruang solat di tingkat atas rumahnya . Sebagai tuan rumah, dia memimpin solat Maghrib dengan dua orang makmum . Dalam doanya, dia memohon hanya yang terbaik buat pasangan Dahlia dan Amran . Juga yang terbaik untuk dia dan Emir Johan serta tidak ketinggalan Eliza Jasmin. Semoga ukhuwah ini kukuh bersatu.

(*Lentera Mustika: 371-372*)

Begitu juga dengan sebuah lagi peristiwa yang memaparkan bahawa Ainur Mustika merupakan seorang belia yang wajar dicontohi sikapnya yang memiliki keimanan yang tinggi kepada Pencipta. Hal ini sekali lagi dibuktikan menerusi tindakan Ainur Mustika yang bersegera menunaikan solat sebaik sahaja azan Zuhur berkumandang di Masjid Universitinya. Hal ini dipaparkan dengan petikan berikut;

Sekembali ke kampus, azan zuhur berkumandang di Masjid Universiti. Panggilan Tuhan itu segera ditunaikan. Dilepaskan segala bebanan, tekanan dan halangan dalam pengaduan kepada-Nya. Meresap setiap zat ketenangan yang dipinjamkan-Nya ke dalam jiwanya.

(*Lentera Mustika: 60*)

Rukun Iman

Selanjutnya, tanggungjawab manusia kepada Allah ialah mempercayai rukun iman. Nisah Haron dalam novel beliau, *Tawarikh Cinta* (2008) juga telah memaparkan secara kreatif berkenaan hubungan manusia dengan Allah menerusi watak Puteri Cempaka Wilis yang bijaksana dalam berkata-kata dan amat mengagumi serta mengagungkan kebesaran Pencipta-Nya sewaktu bersoal jawab dan berbual dengan seorang teruna ketika ditemani pengiring mereka di sebuah taman. Menurut Mohd Yusof Hassan (2007:34), pemikiran ini berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, ketauhidan, keagamaan dan keesaan Tuhan. Beliau turut menyatakan bahawa pemikiran kerohanian ini juga merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Pemikiran ini juga bersifat tinggi martabatnya, dan berkait rapat dengan unsur-unsur ghaib. Pengkaji berpendapat bahawa peristiwa ini adalah menepati ciri pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K. Buktinya boleh didapati menerusi petikan berikut;

“Bukankah cinta juga suatu perjuangan?” “Benar, tetapi cinta akan Allah dan Rasulullah SAW serta watan, tiada yang dapat mendahuluinya.

(*Tawarikh Cinta*:169)

Selain itu, Nisah Haron turut memaparkan seorang lagi watak bernama Putera Jauhari Firus dalam novel *Tawarikh Cinta* (2008) ini yang dilihat ingin bermuhasabah mendekati diri dengan Tuhan yang secara langsung telah membuktikan bahawa dirinya menepati ciri pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K sebagai contoh manusia yang soleh. Hal ini dibuktikan seperti berikut;

Jemaah menteri telah dimaklumkan bahawa putera mahkota berangkat ke Hujun Madani untuk bersunyi-sunyi diri. Tindakan tersebut bukanlah sesuatu yang ganjil kerana sudah menjadi kebiasaan bagi ketua negara mengasingkan diri sekali-sekala sebagai rangka mendekati diri dengan Tuhan sambil bermuhasabah. Demikian adat kebiasaan keturunan raja-raja Ujana Madani.

(*Tawarikh Cinta*: 187)

Seterusnya, Allah menurunkan beberapa buah kitab kepada para rasul bagi panduan mereka memimpin manusia ke jalan yang benar dan selamat. Kitab-kitab itu mengandungi pelbagai ajaran, hukum-hakam, nasihat, kisah dan lain-lain yang mengandungi berbagai-bagai hikmat. Kita sebagai umat Nabi Muhammad S.A.W dibekalkan al-Qur'an *al-Karim* yang merupakan mukjizat teragung yang dikurniakan Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W. Al-Qur'an yang secara harfiah bererti “bacaan sempurna” merupakan suatu nama pilihan Allah yang sungguh tepat, kerana tiada satu bacaan pun sejak manusia mengenal tulis-baca lima ribu tahun yang lalu yang dapat menandingi al-Qur'an *Al-Karim*, bacaan sempurna lagi mulia itu. Firman Allah dalam surah *Asy-Syura* ayat 17 yang bermaksud;

Allah yang menurunkan kitab (al-Qur'an) dengan (membawa) kebenaran dan neraca (keadilan).

(*Al-Qur'an Terjemahan Resm Uthmani*, 2007: 485)

Ringkasnya, al-Qur'an adalah sumber ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu sehingga terbentuk satu prinsip hidup yang serba lengkap di dunia dan di akhirat kelak. Sesungguhnya umat Islam dituntut meyakini al-Qur'an yang merupakan kitab suci daripada Allah, bukan ciptaan manusia mahupun ciptaan Nabi Muhammad. Hal ini demikian kerana beriman kepada al-Qur'an termasuk dalam salah satu daripada rukun iman yang enam.

Nisah Haron dalam novel *Tawarikh Cinta* (2008) memperkenalkan beberapa watak yang dilihat menjadikan al-Qur'an sebagai panduan hidup, iaitu watak Nadim dan Putera Jauhari Firus. Al-

Qur'an perlu didalami demi mewujudkan kehidupan yang sejahtera menerusi aspek ilmu pentafsirannya. Hal ini dibuktikan seperti dalam dialog yang mereka tuturkan berikut;

“Ampunkan pacal ini, tengku. Ada perkara yang masih musykil di hati patik.” “Silakan, Saudara Nadim.” “Tengku, patik semakin mengerti mengapa kitab ini istimewa lagi penting untuk rakyat Ujana Madani. Tetapi patik tertanya-tanya, mengapa Ujana Madani tidak terus kembali kepada al-Quran dan hadith sebagai ilmu kepada segala ilmu di dalam dunia?” Putera Jauhari Firus bersukacita mendengar soalan daripada anak muda Temasik itu. Soalan yang lahir dari fikiran yang jernih dan lurus. “Memang itulah pendapat yang menyebabkan kita selalu bersilang pendapat dengan Dinda Cempaka. Al-Quran dan al-Sunnah tiada apa dapat menyamainya. Kita junjung tinggi. Tetapi harus diingat saudara, tidak semua daripada kita terdaya hendak mendalami pengajian al-Quran dan hadith tanpa dibantu ilmu-ilmu pentafsirannya.

(*Tawarikh Cinta*: 159)

Bukti seterusnya adalah Puteri Cempaka Wilis dalam novel ini yang turut menjadikan bacaan al-Qur'an sebagai amalannya. Al-Qur'an sekiranya didalami akan meningkatkan keimanan dan kesolehan terhadap Pencipta. Hal ini diperoleh menerusi petikan berikut;

Azan subuh berkumandang tatkala Puteri Cempaka Wilis menghabiskan bacaan pada ayat terakhir dari surah ar-Rahman. Sebelum itu, bacaan surah Yasin sempat diselesaikannya sebanyak tiga kali. Sekali disedekahkan untuk paduka ayahandanya, sekali lagi khusus buat bondanya dan yang terakhir untuk dirinya sendiri. Perasaan lapang mengisi ruang dadanya.

(*Tawarikh Cinta*: 25-26)

Qada' dan qadar merupakan ketentuan atau takdir yang telah ditetapkan Allah. Sebagai umat Islam, percaya kepada qada' dan qadar adalah salah satu daripada rukun iman yang enam. Hal ini sebagaimana yang dilaporkan oleh Saidina Umar Al-Khatib bahawa, Nabi Muhammad S.A.W dalam hadith baginda ada menyebut, maksudnya;

“Sesungguhnya iman itu ialah beriman kepada Allah, malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari Akhirat dan kamu beriman pada qadar baik dan jahat.”

(*Abdul Hadi Awang*, 2008:2)

Dalam kajian ini, pengkaji menemui peristiwa yang berkaitan dengan ajal yang ditentukan oleh Allah S.W.T pada seseorang manusia itu. Hanya Allah yang Maha Mengetahui berkenaan soal waktu kematian seseorang. Hal ini seperti yang diterangkan oleh Nisah Haron. Nisah Haron juga turut memaparkan ciri pemikiran kerohanian, iaitu percaya terhadap qada' dan qadar menerusi watak Puteri Cempaka Wilis dalam novel *Tawarikh Cinta* (2008). Hal ini diperlihatkan ketika Puteri Cempaka Wilis bimbang akan keselamatan kekandanya Putera Jauhari Firus yang akan melaksanakan sebuah misi menyelamatkan seorang tawanan dari penjara. Walau bagaimanapun, dirinya menyerahkan segalanya kepada ketentuan Illahi kerana Allahlah yang berkuasa akan setiap sesuatu. Pengkaji berpandangan bahawa sikap Puteri Cempaka Wilis yang menyerahkan segalanya pada qada' dan qadar Allah ini adalah menepati ciri pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K yang dikemukakan oleh Mohd. Yusof Hassan. Ia berikutan, pemikiran kerohanian menitikberatkan unsur keimanan dan keagamaan yang membawa manusia ke arah manusia soleh atau solehah. Hal ini dibuktikan menerusi petikan berikut;

Alasan Putera Jauhari Firus kembali bergema dalam fikiran. Puteri Cempaka Wilis memutuskan untuk menolak kegusaran yang ditiupkan ke dalam hatinya agar menimbulkan perasaan waswas terhadap keupayaan kakandanya. Segera baginda beristighfar memohon keampunan Illahi kerana waswas mainan syaitan yang kena rejam

itu kelak secara diam-diam akan bertukar menjadi buruk sangka kepada rahmat-Nya. Bertaawuz baginda merejam syaitan dengan kalimah Allah yang Maha Penyayang lagi Maha Perkasa.

(*Tawarikh Cinta*: 60)

Pemikiran Kebitaraan

Pemikiran kebitaraan menurut Mohd Yusof Hassan (2001:30-31), merupakan satu cabang ilmu pengetahuan tentang kehebatan akal manusia. Bagi pemikiran ini, sesebuah karya harus menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Kebijaksanaan dan kebitaraan yang diperoleh adalah berasaskan ilmu. Ia sebenarnya khusus bagi satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, kepentingannya berfokus terhadap asas kekeluargaan yang bermula daripada aspek perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, melahirkan, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Howard Gardner (1983) menganjurkan konsep *Multiple Intelligence (MI)* atau konsep kecerdasan pelbagai yang melihat kebijaksanaan manusia daripada pelbagai perspektif budaya, bahasa dan pemikiran tamadun manusia.

Dalam ajaran Islam, manusia merupakan makhluk yang dimuliakan oleh Allah di muka bumi ini dibandingkan dengan makhluk lain. Kemuliaan ini bukan sahaja dapat dilihat menerusi aspek penciptaan-Nya sahaja malahan status dan peranan manusia juga ternyata lebih istimewa dan mulia daripada makhluk Tuhan yang lain. Kelebihan manusia ini didapati dengan pengurniaan akal fikiran kepada manusia berbanding makhluk lain yang Allah ciptakan. Manusia dikurniakan dengan akal fikiran yang menjadikan kita sebagai makhluk yang tinggi tarafnya di sisi Tuhan, mampu berfikir dengan bijaksana, mampu bertindak cemerlang, cerdik, beradab dan berhemah tinggi dalam perlakuan. Akal manusia memiliki keunikan fungsi, peranan, keupayaan dan sistemnya yang tersendiri. Akal manusia dapat dipertingkatkan serta dapat diasuh menjadi cemerlang dan hebat. Oleh hal demikian, adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk berusaha meningkatkan kecemerlangan diri dengan menimba ilmu.

Nisah Haron juga berjaya memaparkan dalam novel *Tawarikh Cinta* (2008) ini bahawa Nadim merupakan seorang belia yang terlihat bijak. Kehebatan dirinya terserlah sewaktu dirinya menjelaskan petunjuk yang diperolehinya berkenaan bentuk tulisan dalam kitab yang dilihat dan juga nyanyian yang didengarnya. Nadim menjelaskan secara satu persatu kepada Putera Jauhari Firus dan Putera lalu mengatakan kepada Nadim bahawa pandangan yang diberikan oleh Nadim tersebut adalah amat bernas. Hal ini didapati oleh pengkaji sebagai bertepatan dengan ciri pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K yang mementingkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berikut;

“Ampunkan pacal ini, tengku. Patik ada sesuatu yang hendak disembahkan. Setelah dihalusi, nyanyian yang patik dengar tadi, membawa petunjuk. Bentuk tulisan dalam kitab itu, pada tempat-tempat khusus dan tertentu menunjukkan baris rangkap-rangkap yang sekata. Patik percaya kitab ini dikarang dalam beberapa bentuk. Selain dikarang secara riwayat terus menerus, berdasarkan baris rangkap yang sekata itu, kitab ini juga merakamkan bentuk syair, gurindam mahupun pantun, ataupun apa-apa yang seumpama dengannya.”Wajah Putera Jauhari Firus menjadi cerah bercahaya. “Itu pendapat yang sangat bernas, saudaraku!” Kegembiraan putera mahkota itu tidak dapat dibendung lagi.

Segeera Nadim dirangkul. “Kita semakin yakin bahawa Kitab Gemala Sakti yang asal akan segera diperolehi. Ada banyak lagi yang akan datang kepada kita semua.”

(*Tawarikh Cinta*: 158)

Di samping itu, Nisah Haron turut menampilkan watak Puteri Cempaka Wilis yang dianggap pengkaji sebagai terbukti bijak dan berpandangan jauh sewaktu menyatakan pandangannya kepada Putera Jauhari Firus. Malah, dirinya juga cukup tertib dan bersopan dalam tutur bicaranya. Hal inilah yang memperlihatkan bahawa diri Puteri Cempaka Wilis adalah menepati ciri pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K yang diperkenalkan oleh Mohd. Yusof Hassan. Howard Gardner (1983) menganjurkan konsep *Multiple Intelligence (MI)* atau konsep kecerdasan pelbagai yang melihat kebijaksanaan manusia daripada pelbagai perspektif budaya, bahasa dan pemikiran tamadun manusia. Konsep pemikiran kebitaraan yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hassan (2001) dalam Teori SPB4K ini dilihat sejajar dengan konsep Teori Kecerdasan Pelbagai atau *Multiple Intelligence (MI)* yang dikemukakan oleh Howard Gardner (1983), menyentuh kebolehan Interpersonal individu. Maka, Puteri Cempaka Wilis ternyata merupakan individu yang memiliki kebolehan yang dinyatakan ini. Hal ini dibuktikan menerusi kedua-dua petikan berikut;

“Kanda, bukankah lebih molek kita tumpukan kepada perkara yang lebih penting seperti mengkaji isi kitab itu sendiri. Biarpun Kitab Gemala Sakti yang kita ada bukan yang asli, dinda percaya isinya tetap serupa. Dengan mengkaji kitab itu pemikiran rakyat Ujana Madani dapat dipertingkatkan. Pada pandangan dinda, inilah yang lebih bermanfaat.”

(*Tawarikh Cinta*: 42)

“Bukan palsu, anakanda. Hanya salinan. Benar seperti perkataan tengku puteri, isinya tetap sama. Tidak salah apabila difikirkan saranan anakanda tengku puteri itu.”

(*Tawarikh Cinta*: 42)

Selanjutnya, kedua-dua watak belia, Putera Jauhari Firus dan Puteri Cempaka Wilis dalam novel Nisah Haron, iaitu *Tawarikh Cinta* (2008) ini dipaparkan memiliki kehebatan dan kemahiran dalam selok-belok pentadbiran, ilmu akidah dan keagamaan. Malah, mereka berdua diajar memperdalam sebanyak-banyak bidang ilmu bagi membolehkan mereka menguasai berbagai-bagai cabang ilmu. Sikap cinta terhadap ilmu ini menepati ciri pemikiran kebitaraan yang menurut Mohd Yusof Hassan (2001:30-31), merupakan satu cabang ilmu pengetahuan tentang kehebatan akal manusia. Bagi pemikiran ini, sesebuah karya harus menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Maka, sikap kedua-dua watak belia yang ditampilkan oleh penulis kreatif ini adalah bertepatan dengan ciri pemikiran kebitaraan dalam Teori SPB4K ini. Hal ini dibuktikan menerusi kedua-dua petikan berikut;

Tengku puteri cuba meluruskan fikirnya. Tidak mungkin baginda dapat mengatasi keputusan dua orang yang amat penting dalam pentadbiran negara buat masa ini. Sikap Tengku Jauhari terhadapnya amat dihargai. Baginda jarang sekali dikecualikan dalam majlis syura bagi memutuskan hal-hal berkaitan pemerintahan negara. Menurut kekandanya itu, Puteri Cempaka Wilis juga mesti mahir selok-belok pentadbiran. Usia bukannya urusan manusia. Jika sesuatu berlaku kepada putera mahkota, Puteri Cempaka Wilislah yang harus mengambil alih kedudukannya. Percaturan dan siasat pemerintahan bukanlah sesuatu yang tumbuh subur dalam jiwanya. Tetapi betara guru telah berulang kali mengingatkan bahawa seseorang itu tidak boleh terlalu memilih bidang berdasarkan kecenderungan semata-mata. Memperdalam sebanyak-banyak bidang ilmu menjadi

seruan kepada mereka yang bijaksana supaya dalam kalangan umat Islam tetap ada orang yang menguasai berbagai-bagai cabang ilmu.

(*Tawarikh Cinta: 57-58*)

Dalam usia yang masih rebung, baginda bersama-sama Tengku Jauhari telah diajari berbagai-bagai cabang ilmu seperti akidah, fikah, syariah, dan tasawwur, juga siasah. Selain itu, turut dibekalkan ilmu perisikan dan penyamaran, dan mereka telah berulang kali berjaya menyusur keluar untuk melihat sendiri keadaan rakyat jelata dengan tidak disedari oleh para pembesar. Barangkali, pengalaman inilah yang segera memantapkan mereka, iaitu dengan masuk ke tengah-tengah gelanggang masyarakat bagi menyelidiki keadaan sebenar di luar istana.

(*Tawarikh Cinta: 58-59*)

Puteri Cempaka Wilis juga merupakan seorang belia yang cukup mementingkan kebijaksanaan dan terserlah kecemerlangan dirinya apabila dirinya digambarkan sebagai seorang yang selalu menjadikan kutubkhanah sebagai suatu ruangan tersimpannya segala bahan bertulis daripada almarhum moyangnya. Malah, ia menempatkan kitab-kitab yang dibawa dari negara-negara Arab dan tempat-tempat terdahulu membina tamadun. Hal ini membuktikan bahawa dirinya merupakan belia yang menepati ciri pemikiran kebitaraan. Buktinya;

Ruangan ini mempunyai erti yang besar kepada istana. Asal usulnya bermula daripada Almarhum moyangnya. Dengan penuh iltizam, baginda telah mengumpulkan segala bahan bertulis untuk dihimpunkan di Ujana Madani. Jika ada salinan tambahan, naskhah-naskhah itu akan diletakkan juga di kutubkhanah awam di kota.

Namun di istana, baginda telah memerintahkan supaya kutubkhanah ini ditambah ruangan dengan para-para untuk naskhah disusun mengikut aturan yang khusus. Bagindalah pengguna setia tempat ini dan demikianlah setiap keturunan baginda dilatih untuk menjadi pencinta kitab-kitab dan segala bentuk persuratan. Puteri Cempaka Wilis melintasi para-para yang menempatkan kitab-kitab yang dibawa dari negara-negara Arab, tempat-tempat yang terlebih dahulu membina tamadun. Kitab-kitab itu menjadi bukti usaha Almarhum yang dikembarkan dalam setiap rangkaian perjalanannya membina hubungan dengan negara-negara berkenaan. Di sinilah bahagian kegemaran Tengku Cempaka. Cita-citanya untuk menjelajah ke negara-negara asal kitab-kitab tersebut tidak pernah terpadam. Malah, baginda berazam suatu hari nanti akan mengetuai perwakilan istana dalam membina hubungan luar negara ini.

(*Tawarikh Cinta: 87-88*)

Pemikiran Kesaintifikan

Pemikiran kesaintifikan ini merujuk kepada pemikiran yang bersifat logik, objektif, saintifik, berfakta, berangka, tersurat, konkrit yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Pemikiran ini adalah sesuatu yang logik, memiliki kebenaran, kepastian, ketepatan dan kesahihan. Pemikiran ini juga adalah pemikiran kepastian yang membawa ke arah manusia saintifik. Dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan, pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Mengikut Irving M. Copi (1986), pemikiran logik adalah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti jelas dan konkrit. Malah, Hulon Willis (1975) menyatakan bahawa ilmu logik atau pemikiran kesaintifikan merupakan sains penaakulan atau *the science of reasoning*.

Pengkaji mendapati bahawa Nisah Haron ternyata telah menerapkan ciri pemikiran kesaintifikan dalam penulisan menerusi watak belia dalam karya mereka dan hal ini yang seterusnya berupaya digunakan sebagai asas dalam usaha meningkatkan sahsiah belia. Antara pemikiran kesaintifikan yang telah diketengahkan oleh penulis kreatif dalam novel mereka adalah dilihat dari segi kemampuan berbahasa, menerangkan secara deskriptif dan mengira yang dipamerkan oleh watak-watak belia dalam karya yang dikaji. Hal ini amat penting dalam pembangunan minda individu belia itu sendiri kerana pemikiran ini membawa individu untuk berfikir secara saintifik, benar dan logik.

Sebagai seorang manusia, kewajipan diri dalam melaksanakan tugas dan peranan dan tanggungjawab tertentu adalah perlu. Tugas pertama adalah kepada ibu bapa. Hal ini juga ada dijelaskan di dalam sebagaimana ayat 23 dalam surah *Al-Isra'* yang bermaksud;

“Dan Tuhanmu memerintahkan supaya engkau tidak menyembah selain Dia semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa.”

(*Al-Qur'an Terjemahan Resm Uthmani*, 2007: 284)

Selanjutnya, menerusi novel *Tawarikh Cinta* (2008), Nisah Haron berjaya memaparkan berkenaan watak belia bernama Puteri Cempaka Wilis yang bersikap rasional malah saintifik dalam melaksanakan kerja-kerja laporan perisikan. Puteri Cempaka Wilis memiliki kemahiran malah telah mengintip keadaan sekitar untuk mengetahui pandangan rakyat terhadap pemerintahan Putera Jauhari Firus. Seterusnya, Puteri Cempaka Wilis melaporkan kerja-kerja perisikan tersebut kepada kekandanya. Otak kiri banyak dikaitkan dengan fungsi akademik yang terdiri daripada kemampuan bercakap, kemampuan berbahasa, membaca tulisan, logik, angka, analisis dan lain-lainnya. Normalnya, ia di identifikasikan dengan kecerdasan analitik atau intelek. Hal ini dibuktikan menerusi petikan berikut;

“Di sebuah gerai yang menjual kain, adinda pura-pura membeli kain batik basahan. Ada sekumpulan perempuan sedang bersembang-sembang sambil memilih corak kain-kain yang ada. Daripada perbualan mereka itu, dinda fikir, kalangan rakyat yang tidak menyokong kanda ditabalkan berbuat demikian bukanlah kerana tidak percaya dengan kemampuan kanda untuk memerintah negeri.” “Jika tidak, mengapa?” “Mereka sebenarnya bimbang jika kanda gagal mengawal barisan menteri dan penasihat. Mereka tidak mahu kanda menjadi patung mainan para pembesar yang haloba. Mereka terlalu bimbang kalau hal yang demikian terjadi, kezaliman akan berleluasa dalam negara kita.” Putera Jauhari Firus membuang pandang ke luar jendela, merenung jauh seolah-olah sedang memikirkan sesuatu dengan mendalam. “Kalau itulah yang sedang menimpa fikiran mereka, maka kita harus yakinkan rakyat jelata, dinda.

(*Tawarikh Cinta*: 123)

Pemikiran Kekreatifan

Menurut Mohd. Yusof Hassan (2004: 43), pemikiran kekreatifan adalah sebuah pemikiran yang tersusun, sistematik dan berdasarkan kepada kaedah saintifik. Pemikiran ini merupakan hasil daripada aktiviti otak, akal atau minda. Saintifik pula bermaksud satu sistem atau susunan dalam proses pemikiran. Menerusi pemikiran ini, terkandungnya teknik-teknik mengenai pemikiran kekreatifan. Seseorang dapat menambah pengetahuan tentang cara memperkembangkan dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan pembuat keputusan. Edward de Bono (1993) menyatakan bahawa pemikiran kekreatifan atau pemikiran lateral merupakan proses penggunaan minda untuk

berfikiran logik tetapi dengan cara berbeza atau baru. Pemikiran lurus yang bersifat tradisional dan pemikiran kreatif yang mementingkan konsep penggunaan minda haruslah digabungkan demi tujuan pengukuhan.

Nisah Haron dalam novelnya *Lentera Mustika* (2009) juga dilihat memaparkan ciri pemikiran kreatif apabila ditemui oleh pengkaji kerap kali menggunakan salah satu unsur puisi tradisional, iaitu pantun dalam binaan novel ini. Malah, watak belia, iaitu Ainur Mustika merupakan seorang pensyarah Kesusasteraan Melayu yang tidak menghampakan jemputan untuk membaca puisi oleh pihak universiti lain. Hal inilah yang ditemui sebagai belia yang memiliki ciri pemikiran kreatif. Roger Sperry dalam Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2003: 66) mengemukakan dalam Teori Minda (Teori Otak Roger Sperry HOKa/HOKi) bahawa hemisfera otak kanan (HOKa) merupakan tempat untuk berkembangnya hal-hal yang bersifat artistik, kreativiti, perasaan, emosi, seni, irama muzik, imaginasi, warna, pengenalan diri dan orang lain, tidak terkecuali juga aspek hubungan sosial dan pengembangan keperibadian. Pemikiran kreatif merujuk kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Hal ini diperlihatkan oleh Ainur Mustika menerusi petikan berikut;

Surat yang diambil sebelum mereka minum tadi diamati. Surat dari luar itu ialah surat undangan. Ada acara baca puisi di Universiti Malaya. Tarikhnya disemak. Masih ada beberapa bulan dari sekarang. Diari kerjanya dikeluarkan dari bawah timbunan kertas. Sesuai. Langsung dicatatkan ke dalam diari. Surat jemputan itu pun dimasukkan ke dalamnya. Seperti biasa, Ainur Mustika jarang-jarang menolak selagi dia boleh menentang puisi tradisional dalam majlis bersama-sama pelajar, malah kalau dijemput oleh mana-mana badan bukan kerajaan atau aktivis budaya juga dia berusaha untuk memenuhi undangan itu.

(*Lentera Mustika*: 34)

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, setelah dikaji, diteliti serta ditelusuri aspek pemikiran Nisah Haron dalam novelnya *Tawarikh Cinta* dan *Lentera Mustika* didapati belia berjaya memaparkan penerapan Teori SPB4K yang digagaskan oleh Mohd. Yusof Hassan. Pengkaji mendapati bahawa keempat-empat aspek pemikiran yang mewakili pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kreatif ada diterapkan dalam kajian ini. Watak-watak belia yang dibangunkan dalam karya boleh dijadikan contoh dan tauladan kepada belia masa kini. Hal ini didapati bersesuaian dalam membangunkan sahsiah belia mengikut situasi, kondisi serta sifat watak belia yang tertentu agar bertepatan dengan Teori SPB4K yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini. Hal ini adalah berfaktor atau bertitik tolak daripada pemikiran Nisah Haron dalam karya beliau, mendorong timbulnya kepelbagaian sikap watak belia yang cenderung membangkitkan atau mewujudkan peristiwa-peristiwa ke arah empat pemikiran yang terkandung dalam Teori SPB4K. Hal ini secara tidak langsungnya memudahkan pengkaji untuk mengkaji kepelbagaian sifat watak-watak dalam karya Nisah Haron yang mengaitkannya dengan aspek membangunkan sahsiah belia itu sendiri dengan berlandaskan Teori SPB4K, iaitu terangkum di dalamnya empat unsur pemikiran yang utama, pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kreatif.

RUJUKAN

- Abu Urwah .2003. *Asas kefahaman Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ani Haji Omar .2012. “Pemikir Melayu sebagai Khalifah dalam Puisi Melayu Moden” dalam *Minda Melayu Global*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bloom, Allan David .1987. *The closing of the American mind*. New York: Simon & Scuster.
- Copi, Irving M. 1986. *Introduction to logic*. London: Mac Millan.
- de Bono, Edward. 1993. *Serious creativity*. New York: Harper Business.
- Gadner, Howard . 1984. *Frame of mind: Theory of multiple intelligences*. London: Heinmann.
- Junaidi Awang Besar *et. al.* 2012. Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca pilihan raya umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu* (9) 191-214)
- Kamus Dewan Edisi*. 2007. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Mohd. Yusof Hassan. 2001. *Sistem pemikiran bersepadu 4L*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd. Yusof Hassan. 2007. *Teori pendidikan pemikiran global*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Musa Shahih Syari. 1993. *Problem wanita masa kini inilah jawapannya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nisah Haron. 2008. *Tawarikh Cinta*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nisah Haron. 2009. *Lentera mustika*. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Nor Hasimah Binti Ismail. 2014. Konflik Jiwa Watak-Watak Wanita dalam Novel Pilihan Fatimah Busu. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Siti Khariah Mohd Zubir. 2010. Peranan Beliawanis Sebagai Modal Insan Memenuhi Gagasan 1 Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* (2) 117-141.
- Siti Khariah Mohd Zubir dan Norol Nizam Bin Sarkawi. 2011. Pemikiran Pengarang dalam Novel *Jerigi Kasih* Karya Ramlah Abdul Rashid. *Manu Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*. (17) 147-169.
- Shahabudin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan. 2003. *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Hulon Willis. 1975. *Logic, language and composition*. Cambridge: Withrop Publisher.

Biodata penulis:

Siti Khariah Mohd Zubir

Penulis merupakan Profesor Madya di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); lulusan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Putra Malaysia. Antara buku akademik yang dihasilkan ialah *Citra Wanita dalam Novel Melayu* (2008).